



KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MULA TELITI PINDAAN
PERLEMBAGAAN BAGI PENGASINGAN PERANAN PEGUAM
NEGARA DAN PENDAKWA RAYA

KUALA LUMPUR, 16 Mac 2026 – Seiring dengan komitmen Kerajaan MADANI untuk memperkukuh kedaulatan undang-undang serta melaksanakan reformasi institusi secara telus, berprinsip dan inklusif, saya telah mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Parlimen mengenai Pindaan Perlembagaan berkaitan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya pada hari ini. Mesyuarat ini menandakan permulaan penelitian rasmi Parlimen terhadap Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2026 bagi melaksanakan pemisahan peranan tersebut.

Cadangan pengasingan peranan ini merupakan antara agenda reformasi institusi utama Kerajaan MADANI yang bertujuan memperkukuh mekanisme semak dan imbang, memperjelas struktur institusi perundangan negara serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem keadilan. JKPK akan meneliti secara komprehensif Rang Undang-Undang tersebut serta undang-undang berkaitan yang perlu digubal atau dipinda.

Dalam proses ini, Jawatankuasa akan mengadakan libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pakar-pakar perundangan, di samping mendapatkan pandangan badan profesional serta organisasi masyarakat sivil termasuk SUHAKAM, Majlis Peguam Malaysia, Sabah Law Society, Advocates Association of Sarawak, BERSIH, Rasuah Busters, C4 Center, Project SAMA, IKRAM, CSO Platform for Reform, Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), dan Transparency International Malaysia..

Bagi memastikan penelitian yang menyeluruh, Jawatankuasa turut memberi tumpuan kepada beberapa parameter utama termasuk mekanisme pelantikan Pendakwa Raya, syarat kelayakan pelantikan, tempoh jawatan dan had umur, mekanisme penamatan jawatan serta aspek akauntabiliti kepada Parlimen. JKPK dijadualkan bersidang dalam beberapa siri mesyuarat bermula pada hari ini 16 Mac 2026 dan diikuti seterusnya pada 9 April 2026, 16 April 2026, 27 April 2026, 4 Mei 2026 sebelum Mesyuarat Pemuktamadan Penyata Jawatankuasa serta syor penambahbaikan yang dijadualkan pada 18 Mei 2026 sebelum ianya dikemukakan kepada Parlimen.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Ahli-ahli JKPK iaitu Yang Berhormat Parit Sulong, Larut, Alor Gajah, Selayang, Bukit Gelugor, Bangi, Lubok Antu, Beluran dan Muar, manakala Yang Berhormat Tawau dan Kota Bharu tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Pendekatan penelitian melalui JKPK ini mencerminkan kesediaan dan komitmen Kerajaan MADANI untuk melaksanakan reformasi institusi secara telus, inklusif dan merentasi parti demi memperkukuh integriti institusi negara serta memartabatkan kedaulatan undang-undang.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
16 MAC 2026

